

TARIKH : 5 APRIL 2021  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Kerajaan PN ada hala tuju selesai masalah negara

**Kota Bharu:** Kerajaan Perikatan Nasional (PN) mempunyai hala tuju bagi menyelesaikan masalah negara khususnya dalam hal ehwal ekonomi walaupun tidak memiliki manifesto yang jelas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kerajaan sentiasa berusaha menyelesaikan masalah menerusi rancangan yang mantap dan disusun sama ada dalam tempoh jangka pendek, sederhana mahupun panjang.

"Dalam jangka masa pendek, sudah pasti belanjawan adalah satu perancangan penting yang sudah diumumkan pada 6 November tahun lalu. Dalam belanjawan itu, turut diumumkan pakej rangsangan untuk membantu rakyat

berjumlah RM325 bilion.

"Untuk jangka sederhana, kita ada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) walaupun belum dibentangkan di Parlimen, namun kita ada beberapa elemen untuk memulihkan ekonomi dan bantu rakyat.

Untuk jangka masa panjang, kita sudah ada Wawasan Pembangunan Usahawan.

"Untuk pemulihan ekonomi, barisan Kabinet setiap minggu mengadakan mesyuarat yang membincangkan hala tuju kerajaan.

"Kerajaan ini terdiri daripada satu warga iaitu BERSATU, UMNO, PAS, MIC, MCA, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang sentiasa berbincang untuk pemulihan ekonomi susulan COVID-19," katanya.



*Mustapa Mohamed*

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Jelajah Malaysia Prihatin Taklimat Isu Semasa-Pengurusan Pandemik COVID-19 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota di Pengkalan Chepa di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, semua itu adalah hala tuju kerajaan untuk menstabilkan ekonomi dan pada masa yang sama kerajaan turut berusaha mengawal penularan pandemik COVID-19.

Sebelum ini Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan mendakwa kerajaan PN tidak mempunyai hala tuju disebabkan tidak mempunyai manifesto yang jelas.

Ahmad Zahid dilaporkan berkata kerajaan PN tidak mempunyai manifesto kerana dibentuk selepas kerajaan Pakatan Harapan pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad tumbang.